



LEMBAGA
ZAKAT SELANGOR
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

PROSEDUR AGIHAN
PROSEDUR PENGURUSAN WAKALAH AGIHAN ZAKAT

NO. RUJUKAN DOKUMEN	: PRO/AZ/PWAZ-04
TERBITAN / TARIKH TERBITAN	: 4 (13 FEBRUARI 2017)
NO. PINDAAN / TAHUN	: 6/2025
TARIKH KUATKUASA	: 3 NOVEMBER 2025
LAMPIRAN	: 1/2

BORANG PERMOHONAN WAKALAH AGIHAN ZAKAT

PERHATIAN :

- 1) Borang ini perlu diisi oleh pemohon / waris / wakil pemohon sahaja.
- 2) Lengkapkan segala maklumat, perakuan dan pengesahan yang diperlukan.
- 3) Pemohon perlu menyediakan dokumen yang diperlukan berdasarkan senarai semak dokumen.
- 4) Pemohon perlu faham dan jelas dengan panduan, terma dan syarat yang dinyatakan pada borang ini.
- 5) Borang dan dokumen lampiran yang telah lengkap perlu diemelkan kepada : **wakalah@zakatselangor.com.my**

SENARAI SEMAK DOKUMEN LAMPIRAN :

- i. Surat permohonan *(jika berkenaan)*
- ii. Surat jawatankuasa zakat (syarikat/majikan)
- iii. Salinan muka surat no. akaun bank
- iv. Slip/Penyata Bayaran Zakat
- v. Laporan Pengagihan WAZ *(jika berkenaan)*

A. MAKLUMAT PEMOHON

Nama Pemohon (Individu/Syarikat/Majikan)	No. Pengenalan (KP/ROC/ROB)	Tarikh/Tahun Bayaran
Alamat Tempat Tinggal / Pejabat	Poskod	Daerah
	Bandar	Negeri

B. KATEGORI PERMOHONAN *tandakan (X) pada yang berkenaan

Jenis	*Pilih Jenis	Amaun Kelayakan (RM)	Kadar % Kelayakan	**Amaun Bayaran Zakat (RM)	Jumlah Wakalah (RM)	***Nisbah Agihan Wakalah (RM)	
						(1/3) FM	(2/3) NFM
Majikan (SPG)		Melebihi RM100,000.00	1/8 (12.50%)				
Individu/Syarikat		RM20,000.00 - RM29,999.99	1/8 (12.50%)				
		RM30,000.00 - RM49,999.99	2/8 (25.00%)				
		RM50,000.00 - RM999,999.99	3/8 (37.50%)				
		RM1,000,000.00 & ke atas	4/8 (50.00%)				

** Amaun bayaran zakat **tidak termasuk Zakat Fitrah dan bayaran melalui Pen. Amil IPT/IPIS** (Ejen Kutipan LZS)

***FM : Fakir, Miskin | NFM : Selain FM (Fisabilillah, Muallaf, Gharimin)

C. MAKLUMAT PEMBAYARAN (Mohon sertakan SURAT PERMOHONAN sekiranya akaun selain nama pemohon)

Nama Pemilik Akaun	
Nama Bank	No. Akaun Bank

D. PERAKUAN PELANTIKAN PEMOHON

Saya / kami mengakui menerima pelantikan Wakalah Agihan Zakat daripada Lembaga Zakat Selangor (MAIS) dan akan menguruskan agihan zakat yang telah diamanahkan kepada saya / kami dengan sebaiknya. Saya / kami juga faham dan bersetuju dengan segala panduan, terma dan syarat wakalah agihan zakat dan sekiranya saya memberi maklumat palsu dan tidak benar, pihak Lembaga Zakat Selangor (MAIS) berhak mengambil tindakan ke atas saya.

Sekiranya saya / kami gagal memenuhi mana-mana syarat dan peraturan sebagaimana yang telah ditetapkan, maka pihak Lembaga Zakat Selangor (MAIS) berhak menangguhkan proses permohonan wakalah agihan saya / kami di masa hadapan atau membatalkan wakalah dan mengambil semula wang agihan. Proses agihan akan diuruskan sendiri oleh LZS(MAIS).

Saya / kami sesungguhnya faham dan sedar bahawa saya / kami mengambil amanah ini daripada LZS(MAIS) dan bertanggungjawab sepenuhnya serta tertakluk untuk mematuhi hukum dan ketetapan Syariah dalam pelaksanaan Wakalah Agihan Zakat. Sebarang ketidakpatuhan kepada Syariah yang berlaku, boleh memberi implikasi hukum yang sewajarnya di sisi Allah Subhanahu Wataala.

Dengan nama Allah S.W.T, saya / kami mengesahkan bahawa segala maklumat dan data yang diberikan di dalam borang ini dan lampirannya adalah **BENAR, TEPAT, LENGKAP** dan **TERKINI**. Dengan memberikan data peribadi saya dan menandatangani borang ini, saya bersetuju membenarkan LZS(MAIS) menggunakan dan memproses data peribadi saya sebagaimana dalam Notis Privasi Zakat Selangor di <https://www.zakatselangor.com.my>. Saya juga telah mendapatkan persetujuan daripada pihak ketiga berhubung dengan data dan maklumat pihak ketiga yang akan diserahkan kepada pihak LZS(MAIS).

Nama Pemohon/Wakil	Tandatangan Pemohon :		
Jawatan			
No. Telefon	Emel	Tarikh:	

E. PERAKUAN KONFLIK KEPENTINGAN

Adakah anda (pemohon / wakil pemohon) mempunyai hubungan kekeluargaan dengan kakitangan Lembaga Zakat Selangor?

☐ YA ☐ TIDAK **Jika YA, sila nyatakan maklumat seperti dibawah. Sekiranya melebihi seorang boleh sertakan lampiran tambahan.

Nama Kakitangan	Divisyen/Pejabat
Jawatan	Hubungan

F. PERAKUAN SAKSI *Saksi-saksi hendaklah beragama Islam dan berumur 18 tahun dan ke atas.

Kami dengan ini mengesahkan bahawa pemohon menandatangani borang dalam keadaan waras dan tanpa paksaan. Kami memahami kesan kepada wakalah agihan zakat yang diterima oleh pemohon bahawa ianya adalah tanggungjawab untuk diagihkan kepada penerima yang layak sebagaimana yang ditetapkan dan dipersetujui oleh LZS(MAIS). Kami juga maklum bahawa sekiranya pemohon telah meninggal dunia atau keuzuran dan didapati dana wakalah masih belum diselesaikan pengagihannya, maka perlu dipulangkan kepada pihak LZS(MAIS). Dengan memberikan data peribadi kami dan menandatangani borang ini, kami bersetuju membenarkan LZS(MAIS) menggunakan dan memproses data peribadi kami sebagaimana dalam Notis Privasi Zakat Selangor di <https://www.zakatselangor.com.my>.

*Saksi 1 (Waris Pemohon / Wakil Syarikat)	Tandatangan :	*Saksi 2 (Waris Pemohon / Wakil Syarikat)	Tandatangan :
Nama		Nama	
No K/P		No K/P	
No Telefon	Tarikh	No Telefon	Tarikh



PROSEDUR AGIHAN PROSEDUR PENGURUSAN WAKALAH AGIHAN ZAKAT

NO. RUJUKAN DOKUMEN	: PRO/AZ/PWAZ-04
TERBITAN / TARIKH TERBITAN	: 4 (13 FEBRUARI 2017)
NO. PINDAAN / TAHUN	: 6/2025
TARIKH KUATKUASA	: 3 NOVEMBER 2025
LAMPIRAN	: 2/2

G. PANDUAN, TERMA DAN SYARAT WAKALAH AGIHAN ZAKAT

- Wakalah Agihan Zakat adalah peluang buat pengeluar zakat menjadi wakil LZS (MAIS) melaksanakan pengagihan zakat kepada asnaf yang layak berdasarkan kepada garis panduan pengurusan wakalah agihan zakat.
- Kelayakan permohonan adalah semua jenis zakat kecuali zakat fitrah dan melalui saluran rasmi pembayaran LZS (kecuali Penolong Amil IPT/IPIS lantikan LZS).
- Pemohonan Wakalah Agihan Zakat tidak boleh digabungkan untuk bayaran zakat bagi tahun yang berbeza.
- Pemohon perlu memastikan bahawa maklumat yang diberikan LENGKAP serta dokumen-dokumen sokongan yang dilampirkan adalah BENAR dan TEPAT.
- Pemohon boleh merujuk pihak LZS atau melayari laman sesawang LZS di <https://www.zakatselangor.com.my> bagi mendapatkan maklumat berkaitan kaedah penentuan asnaf dan pengagihan duit zakat kepada asnaf yang layak.
- Panduan pengagihan kepada asnaf yang dibenarkan adalah seperti berikut :-

KATEGORI ASNAF	TAKRIFAN	*JENIS BANTUAN DI BAWAH WAKALAH AGIHAN ZAKAT
Fakir	Orang Islam yang tiada harta / pendapatan atau ada harta / pendapatan tetapi tidak mencapai 50% had kifayah diri & tanggungan.	Bantuan kecemasan/runcit Bantuan sara hidup Bantuan modal perniagaan Bantuan hari raya
Miskin	Orang Islam yang mempunyai harta / pendapatan yang hanya boleh menampung lebih 50% keperluan diri dan tanggungannya tetapi masih belum mencukupi had kifayah.	Bantuan perubatan Bantuan keperluan pendidikan & yuran Bantuan bina/baikpulih rumah
Muallaf	Seseorang yang baru memeluk Islam atau seseorang yang dijinakkan hatinya untuk menerima Islam.	Bantuan kecemasan/runcit Bantuan sara hidup
Gharimin	Hutang untuk memenuhi keperluan asas diri dan tanggungannya atau kepentingan masyarakat dan tiada keupayaan untuk membayarnya.	Bantuan bil rawatan Bantuan kos pembedahan Bantuan pembelian alatan perubatan
Fi Sabilillah	Perjuangan, usaha dan aktiviti yang bertujuan untuk menegakkan dan mempertahankan agama Islam.	Bantuan umum pelajaran Bantuan sumbangan alatan & bina/baikpulih institusi agama Program penerapan nilai-nilai Islam

* Tertakluk kepada perubahan & kemaskini mengikut garis panduan syarat kelayakan agihan zakat negeri Selangor.

- Galakan keutamaan pengagihan adalah kepada asnaf fakir dan miskin sekurang-kurangnya 1/3 daripada jumlah wakalah.
- Pemohon bertanggungjawab menyiasat ke atas penerima zakat yang dicadangkan dan memastikan bahawa penerima betul-betul layak menerima agihan zakat.
- Kaedah penentuan had kifayah bagi asnaf fakir dan miskin di negeri Selangor boleh merujuk kalkulator kelayakan asnaf di pautan berikut : <https://www.zakatselangor.com.my/agihan-zakat/kalkulator-kelayakan/>
- Penentuan asnaf fakir dan miskin di luar negeri Selangor, pemohon bertanggungjawab memastikan kelayakan berdasarkan perakuan pelantikan wakalah.
- Pemohon (syarikat/majikan) perlu menyediakan Surat Jawatankuasa Zakat yang dibentuk untuk menentukan penerima agihan zakat.
- LZS mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan yang difikirkan wajar ke atas pemohon sekiranya pemohon didapati memberi apa-apa maklumat yang bercanggah, menyeleweng atau menipu.
- Bagi maksud perenggan-perenggan di atas, LZS mempunyai kuasa untuk membuat tuntutan bayaran balik dan / atau menuntut ganti rugi daripada pemohon, sekiranya LZS mempunyai bukti bahawa terdapat percanggahan, penyelewengan atau penipuan tersebut.
- LZS atau wakil LZS mempunyai kuasa mutlak untuk melakukan pemeriksaan ke atas rekod-rekod pemohon yang berkaitan dengan permohonan ini sama ada sebelum atau selepas agihan dilaksanakan.
- Pemohon tidak boleh mendapatkan sebarang faedah / keuntungan kepada diri sendiri / syarikat atas jumlah dana wakalah yang dikembalikan kepada pemohon.
- Sekiranya ada faedah / keuntungan daripada penyimpanan dana wakalah yang diterima hendaklah diagihkan juga kepada penerima zakat.
- Pengagihan wakalah melalui pihak perantara (contoh : Masjid, NGO dan Badan/Agensi kebajikan) perlu dipastikan tidak mengenakan caj perkhidmatan untuk pelaksanaan agihan. Wakalah agihan zakat perlu diagihkan sepenuhnya kepada penerima yang layak.
- Sebarang kos operasi/pengurusan tidak boleh menggunakan dana wakalah agihan zakat. Kos tersebut perlu ditanggung sendiri oleh pemohon.
- Pengagihan dana wakalah agihan zakat hendaklah diselesaikan dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh penerimaan dana wakalah.
- Sekiranya pemohon gagal menghabiskan dana wakalah dalam tempoh enam (6) bulan tersebut, pemohon perlu menyalurkan baki ke Program KASIHKU Zakat Selangor.
- Dana wakalah agihan zakat ini adalah tertakluk kepada bajet semasa agihan Lembaga Zakat Selangor.
- Setiap kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada terma dan syarat LZS.

H. PENGESAHAN PEMOHON		I. UNTUK KEGUNAAN LZS	
Saya / Kami mengesahkan FAHAM dan JELAS dengan Panduan, Terma & Syarat yang terkandung di dalam Borang Permohonan Wakalah Agihan Zakat ini dan akan mematuhi segala yang telah ditetapkan.		Status Permohonan : ☐ Lengkap ☐ Tidak Lengkap ☐ Layak ☐ Tidak Layak	
Nama Pemohon No. Pengenal No. Telefon Emel	Tandatangan Tarikh:	CATATAN/ULASAN PEGAWAI:	